NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| Jil. 57<br>Bil. 1 | **1hb Januari 2004** | *TAMBAHAN*<br>*No. 1* |
|---|---|---|

**No. 31.**

AKTA TANAH
(KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960
(Akta 530)

PEMBERHENTIAN SEBAHAGIAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Subseksyen 44(1) (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri, setelah berunding dengan Menteri, mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta*, kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Penempatan Berkelompok melalui Pemberitahuan No. 57 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Perak pada bertarikh 18 Januari 1990 hendaklah terhenti daripada menjadi kawasan penempatan berkelompok.

JADUAL

Kawasan yang seluas kira-kira 848.231 hektar dalam Mukim Hulu Bernam Barat, Daerah Batang Padang, bergaris tepi warna kelabu pada *PW* 1628 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak Darul Ridzuan.

Bertarikh 16 Disember 2003.
[PTG.Pk. 535-4(C); JU.PK. 810 Jld. 8/(55);
PU.Pk. 67/71-38.]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Perak

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

(Act 530)

TERMINATION OF PART OF A GROUP SETTLEMENT AREA

In exercise of the powers conferred by Subsection 44(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority, after consultation with the Minister, declares that from the date of publication of this Notification in the *Gazette*, the areas described in the Schedule being part of a Group Settlement Area *vide* Notification No. 57 published in the Perak Government *Gazette* on 18 January 1990 shall cease to be a group settlement area.

SCHEDULE

The area of 848.231 hectare in Mukim Hulu Bernam Barat, District of Batang Padang as marked in grey on *PW* 1628 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak Darul Ridzuan.

Dated 16 December 2003.
[PTG.Pk. 535-4(C); JU.PK. 810 Jld. 8/(55);
PU.Pk. 67/71-38.]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
Secretary,
State Executive Council,
Perak

**No. 32.**

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR LELONGAN AWAM

Kepada Noor Bakri bin Mat yang beralamat di No. 279, Hala Tambun Permai 12, Rancangan Perkampungan Tersusun Batu 4, 31400 Tambun, Ipoh penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan Lelongan Awam berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Batang Padang pada 15 Januari 2004 jam 10.00 pagi.

Oleh yang demikian menurut Seksyen 261(1)(c), Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dan menunjukkan sebab-sebab mengapa lelongan tersebut tidak dapat dibuat

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sungkai. No. Lot—499. Jenis dan No. Hakmilik—GM 1051. Bahagian Tanah—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian—Per. Bil. 792/97 Jilid: 113 Folio: 191.

Bertarikh 19 Disember 2003.
[PTBP(D) 9/359.]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL
b.p. Pentadbir Tanah,
Batang Padang, Tapah

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA